

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Jawapan Soalan 8

(a) Apakah maksud persamaan perakaunan?

Maksud persamaan perakaunan: Persamaan perakaunan adalah satu rumus yang menunjukkan hubungan antara aset, liabiliti dan ekuiti pemilik.

(b) Tuliskan rumus bagi yang berikut:

Persamaan Perakaunan	Rumus
1. Persamaan Perakaunan asas	Aset = Liabiliti + Ekuiti Pemilik
2. Persamaan Perakaunan yang diperluaskan	Aset = Liabiliti + Ekuiti Pemilik + Hasil - Belanja

(c) Bagi urusan niaga yang diberikan di bawah, tentukan dengan tanda (✓), urusan niaga yang akan memberi kesan kepada elemen ekuiti pemilik.

Urus niaga	Tandakan (✓)
1. Membeli inventori secara kredit	
2. Menjual barang niaga secara tunai	✓
3. Membayar kos membaiki kenderaan secara cek.	✓
4. Memperoleh pinjaman bank dan jumlah pinjaman dibankkan.	

(d) Berikan dua urusan niaga di mana kesannya adalah atas elemen aset sahaja.

Urus niaga yang kesannya atas elemen aset sahaja:
1. Membeli perabot secara tunai
2. Menerima cek daripada akaun belum terima bagi menjelaskan hutangnya

(e) Berikan dua urusan niaga yang akan memberi kesan kepada ketiga-tiga elemen persamaan perakaunan asas.

Urus niaga yang kesannya atas ketiga-tiga elemen persamaan perakaunan:
1. Menjelaskan hutang akaun belum bayar secara cek dan menerima diekaun tunai.
2. Menjelaskan pinjaman bank bersama-sama dengan faedah dengan cek.